

**Alltech Galak Pelajar UPM ceburi Penyelidikan Nutrisi Haiwan***Pelajar UPM bergambar bersama delegasi Alltech Biotechnology Malaysia Sdn. Bhd.*

**SERDANG, 6 Nov** – Alltech Biotechnology Malaysia Sdn Bhd telah mengadakan kunjungan syarahan pertama ke Universiti Putra Malaysia (UPM) sebagai menyokong komitmen pendidikan saintifik lanjutan.

Dalam lawatan itu, satu seminar diadakan untuk menggalakkan pelajar UPM menceburi penyelidikan nutrisi haiwan dan menyediakan asas mereka berinteraksi dengan sebuah syarikat kesihatan haiwan antarabangsa.

Penyelaras Bersekutu Penyelidikan, Institut Biosains Alltech Asia-Pasifik, Dr. Yumin Bao berkata seminar itu telah mengengahkan penyelidikan mengkaji kesan nutrisi terhadap pferian gen.

"Lebih daripada 120 orang pelajar pra dan pasca siswazah dari Fakulti Sains Haiwan, Sains Veterinar dan Pertanian UPM telah menghadiri seminar tersebut," katanya.

Beliau berkata seramai dua orang pelajar Malaysia telah berkhidmat dengan Pusat Biosains Asia-Pasifik, Thailand di bawah program latihan mereka.

"Dr. Tang Siew Ching yang sedang mengkaji 'Utilisation of corn DDGS in poultry diets' (penggunaan DDGS bijirin di dalam diet ternakan) merupakan penerima sulung Program Pasca-Siswazah Alltech-UPM di Malaysia," katanya lagi.

Sementara itu, Pengurus Pemasaran Alltech Malaysia, Rachel Lim berkata pihaknya telah memperkenalkan Anugerah Saintis Muda untuk menggalakkan aktiviti penyelidikan di kalangan pelajar universiti dari seluruh dunia.

Beliau berkata Alltech Malaysia juga akan menyumbang wang berjumlah RM500 bagi pertandingan rencana terbaik yang dihantar oleh pelajar IPT Malaysia.

Selain itu Alltech Malaysia turut menyumbang sejumlah buku rujukan terbitan Universiti Nottingham kepada perpustakaan UPM.

**Oleh Unit Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.**

---

Hak Cipta Terpelihara 2007  
Universiti Putra Malaysia